

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI PROSES PENGANGKATAN DAN MENJAGA HAK SERTA KEBAJIKAN ANAK ANGKAT

Suharne Ismail

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
suharne@kuim.edu.my

ABSTRAK

Amalan pengangkatan telah lama diamalkan oleh masyarakat di seluruh dunia sejak dahulu lagi. Di Malaysia, ia telah menjadi amalan yang diwarisi bukan sahaja oleh masyarakat Melayu tetapi masyarakat Cina, India dan bumiputera di Sabah dan Sarawak . Beberapa peruntukan undang-undang bagi proses pengangkatan telahpun digubal oleh pihak kerajaan bagi tujuan menjaga hak pihak-pihak berkaitan terutama sekali terhadap anak angkat. Antara ialah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Akta Pengangkatan 1952, Akta Kanak-Kanak 2001, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2015. Peruntukan undang-undang yang khusus untuk orang Islam ialah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. Ia adalah merupakan satu-satunya statut yang boleh digunakan oleh orang Islam untuk memberi pengiktirafan undang-undang kepada pengangkatan yang dilakukan. Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam hanya memfokuskan terhadap kewajipan memberi nafkah kepada anak angkat, sedangkan konsep pengangkatan anak adalah lebih luas. Persoalannya, sejauhmanakah peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia dapat menjaga kepentingan pihak-pihak dalam proses pengangkatan terutama sekali dalam menangani keperluan khusus yang dituntut dalam proses pengangkatan seperti kebajikan anak angkat tersebut.

Kata Kunci: anak angkat,pengangkatan, kanak-kanak

LEGAL PROVISIONS OF ADOPTION AND SAFEGUARDING THE RIGHTS AND WELFARE OF THE CHILD

ABSTRACT

Adoption has long been practiced by communities around the world since time centuries old. In Malaysia, it has been a practice inherited not only by the Malays but the Chinese, Indians and natives of Sabah and Sarawak. Some legal provisions for the adoption process have been enacted by the government for the purpose of protection the rights of the relevant parties, especially the adopted children. Adoption Registration Act 1952, Adoption Act 1952, Children Act 2001, State Islamic Family Law Enactment and Service Circular No. 4 of 2015. The specific legal provision for Muslims is the Adoption Registration Act 1952. It is the only statute that Muslims can use to give legal recognition to the adoption. The Islamic Family Administration enactments only focus on the obligation to provide for children, while the concept of adoption is wider. The question is, to what extent the provisions of the law in Malaysia can protect the

interests of the parties in the adoption process, especially in addressing the specific needs demanded in the adoption process such as the welfare of the adopted children.

Keywords: adopted child, adoption, child

PENDAHULUAN

Pengangkatan melibatkan pihak-pihak diantara anak angkat dan pengangkat. Umum mengetahui bahawa anak angkat bukanlah anak yang dikandung oleh si pengangkat kerana anak angkat merupakan anak orang lain yang dipelihara (diangkat) sebagai anak sendiri. Common law pada dasarnya tidak mengiktiraf pengangkatan iaitu konsep memindahkan atau membatalkan tanggungjawab ibubapa kepada orang lain kerana bagi mereka tanggungjawab tidak boleh dipindahkan kepada sesiapa. Walaubagaimanapun terdapat beberapa pendapat yang mengatakan bahawa pengangkatan perlu untuk menjamin kebajikan kanak-kanak dan kanak-kanak juga berhak untuk kehidupan keluarga yang lengkap. Oleh yang demikian Adoption of Children Act 1926 telah digubal dan diluluskan rentetan daripada keyakinan bahawa kebajikan kanak-kanak adalah aspek penting yang perlu diberi perlindungan. Mengikut peruntukan undang-undang di Malaysia, anak angkat adalah merujuk kepada kanak-kanak yang telah didaftarkan sebagai anak angkat oleh ibu bapa angkat melalui proses pengangkatan mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 atau Akta Pengangkatan 1952. Seksyen 2 Akta Pengangkatan 1952 mentakrifkan anak angkat sebagai seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula. Mengikut Seksyen 6(1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253), anak angkat bermaksud: telah dalam jagaan dan dipelihara serta dididik oleh seseorang atau pasangan sebagai anaknya yang berterusan atau anak mereka secara anak angkat de facto selama 2 tahun sebelum tarikh permohonan. Ini menunjukkan bahawa undang-undang di Malaysia mengiktiraf anak angkat ini jika ia melalui satu proses pengangkatan yang sah dan mengikut undang-undang. Joseph R Carrieri mendefinisikan pengangkatan sebagai... “*a legal proceeding whereby an adult person takes another adult or minor person into the relation of child and thereby acquires the right and incurs the responsibilities of parent with respect to the said adult or minor..*”. Manakala Dr Ahmad H.Sakr menyatakan pengangkatan sebagai “*to take voluntarily a child of other parents as one's own child*”.

Dalam pengangkatan, seorang anak angkat mempunyai hak yang sama seperti dia dilahirkan secara sah kepada ibu bapa angkat tersebut. Pengangkatan akan menamatkan hak-hak dan tanggungjawab ibu bapa kandung secara kekal dan ia akan diambil alih oleh ibu bapa angkat kanak-kanak tersebut. Hal ini bermakna ibu bapa angkat mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama seperti ibu bapa kandung. Masyarakat mempunyai pendapat berbeza dengan ibu bapa pelihara dan anak pelihara. Ada pendapat mengatakan bahawa anak pelihara adalah sama dengan angkat walaupun dari segi status dengan jelas menunjukkan perbezaan ketara. Menurut Johnson (2005) ibu bapa pelihara hanya mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai penjaga bagi kanak-kanak tersebut bagi tempoh masa tertentu sahaja dan tidak dipisahkan daripada ibu bapa kandung dari sudut undang-undang. Ibu bapa pelihara harus mengetahui tentang hak-hak ke atas anak pelihara kerana meraka hanya sebagai ibu bapa pelihara sahaja dan perlu memulangkan anakpelihara tersebut apabila sampai tempoh masa tertentu. Ibu bapa pelihara tidak mempunyai hak untuk membawa tuntutan ke atas ibu bapa kandung. Jagaan pelihara merupakan jagaan sementara oleh ibu bapa pelihara, oleh itu kanak-kanak boleh diambil semula oleh ibu bapa kandung setelah mereka mempunyai keupayaan untuk menjaga dengan baik. Anak pelihara juga

perlu mengetahui dengan jelas status diri mereka sebagai anak pelihara atau anak angkat, agar mereka dapat bersedia dari segi mental dan fizikal jika perlu berpisah dengan keluarga pelihara. Hal ini bukan sahaja penting kepada masa depan kanak-kanak bahkan penting untuk kesejahteraan ibu bapa pelihara dan kanak-kanak tersebut. Ini berbeza dengan hak ibu bapa angkat yang melalui proses pengangkatan yang sah disisi undang-undang dimana pengangkatan tersebut akan menamatkan hak dan tanggungjawab ibu bapa kandung.

ASPEK PENGANGKATAN DALAM ISLAM

Jika dilihat pada zaman jahiliah Arab, adalah menjadi satu kebanggaan jika mempunyai anak serta dan pengikut yang ramai. Ini adalah kerana dengan mempunyai anak dan pengikut yang ramai akan membentuk sebuah keluarga atau kabilah, puak atau kumpulan yang besar untuk berhadapan dengan musuh. Kewujudan puak atau kabilah yang ramai penting dalam menghadapi musuh serta berupaya melakukan pertempuran atau serangan. Pada zaman permulaan Islam, berlaku pengambilan anak angkat di mana masyarakat telah tersalah sangka hingga melibatkan Rasulullah SAW sendiri dengan anak angkatnya bernama Zaid Bin Harithah. Masyarakat pada masa itu telah menamakan Zaid bin Muhammad sehingga peristiwa itu dirakamkan oleh Al Quran dalam surah Al Ahzab ayat 4-5 yang melarang menasabkan nama anak angkat kepada bapa angkat. Islam tidak menghalang pengangkatan asalkan ia mencerminkan unsur-unsur Islam dari segi nasab dan keturunan, wali, perwarisan harta pusaka serta pergaulan dalam keluarga angkat tersebut. Dari segi wali misalnya, seorang bapa angkat tidak boleh menjadi wali kepada anak angkat perempuan kerana wali yang sah adalah tetap bapa kandungnya. Dalam aspek perwarisan harta pusaka juga dimana anak angkat tidak mermpunyai hak ke atas harta pusaka ibu bapa angkatnya. Walaubagaimanapun adalah digalakkan untuk ibu bapa angkat memberi ‘hadiyah’ kepada anak angkatnya untuk menunjukkan persamaan hak dengan anak-anak kandung yang lain. Pemeliharaan anak angkat dalam keluarga Islam hendaklah mencerminkan unsur-unsur Islam. Ia sama sekali tidak boleh dirahsiakan kerana langkah itu bertentangan dengan syariat Islam. Perkara-perkara yang wajib diberi perhatian semasa mengambil anak angkat ialah dari segi taraf anak angkat tersebut yang tidak seimbang dengan anak kandung dan bagi menjaga kesucian keturunannya maka dilarang daripada dinamakan dengan “bin” atau “binti” kepada ayah angkat. Semasa mengiktiraf pengangkatan anak angkat hendaklah dibin atau dibintikan kepada bapa kandung atau kepada *asma’ Allah* seperti “Abdullah” dan lain-lain (jika bapa kandung tidak diketahui).

PENGANGKATAN DI MALAYSIA

Pengangkatan kanak-kanak mengikut peruntukan undang-undang adalah untuk memberi jaminan dimana setiap rakyat Malaysia mempunyai hak dan keadilan di sisi undang-undang. Adalah menjadi kesalahan jika mengambil hak pihak lain dan bertentangan dengan undang-undang yang terpakai. Prinsip hak dan keadilan adalah suatu yang menjadi tunjang kepada undang-undang yang diamalkan di Malaysia. Kanak-kanak seharusnya diberi hak dan keadilan serta perlindungan dariapada sebarang pengabaian. Perlembagaan Persekutuan merupakan statut yang mempunyai peruntukan yang memberi hak dan jaminan kepada kanak-kanak. Hak terhadap kanak-kanak juga dijamin oleh undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Pengangkatan 1952, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan sebagainya.

Malaysia mempunyai Dasar Perlindungan Kanak-Kanak yang merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001. Dasar ini memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan dan penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak. Ia bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi. Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak, termasuk setiap anggota masyarakat dalam melindungi kanak-kanak. Justeru, penggubalan undang-undang serta dasar kerajaan ini bertujuan menjaga hak kanak-kanak daripada isu-isu berkaitan seperti pendaftaran, pengangkatan, nafkah, penderaan, dan sebagainya.

Pengangkatan di Malaysia pada peringkat awal sebelum wujudnya statut adalah mengikut adat dan kepercayaan sesuatu kaum. Pengangkatan dilakukan mengikut persetujuan pihak-pihak dan tiada apa-apa jaminan berkaitan dengan hak dan perlindungan secara jelas kepada semua pihak iaitu hak anak angkat dan hak pengangkat. Pengiktirafan pengangkatan mengikut adat Melayu dijelaskan oleh hakim dalam kes *Jainah bt Semah lwn Mansor bin Iman Mat*. Fakta kes menunjukkan plaintif dan suami mengambil anak saudara perempuan suami sebagai anak angkat dan dipelihara sejak kecil hingga anak tersebut berusia sebelas tahun. Suami kemudiannya meninggal dunia, dan bapa kandung anak tersebut mengambil balik anak. Isu yang menjadi persoalan ialah, adakah pengangkatan tersebut diiktiraf oleh undang-undang dan sekiranya ia diiktiraf, apakah kedudukan pengangkatan tersebut, sekiranya bapa angkat meninggal dunia dan kedua-dua keluarga asal dan ibu angkat bertikai tentang hak jagaan anak tersebut. Hakim memutuskan bahawa undang-undang mengiktiraf amalan pengangkatan di kalangan orang Melayu di Pahang Tengah sebagai sebahagian daripada undang-undang adat mereka. Mahkamah berpendapat, pengangkatan masih berjalan walaupun bapa angkat telah meninggal dunia, kerana ibu angkat masih hidup. Pengangkatan yang dilakukan oleh pasangan suami isteri dianggapkan sebagai dikongsi bersama.

Tidak terkecuali amalan pengangkatan mengikut adat di Sabah dan Sarawak yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dilakukan secara tidak formal dan atas persetujuan bersama. Di Sabah misalnya, pengangkatan hanya dilakukan terhadap anak lelaki sahaja kerana mengikut kelaziman adat. Bagi mereka anak angkat perempuan cuma untuk sebagai peneman, menjaga rumah dan melakukan kerja-kerja rumah berbanding anak lelaki yang lebih kepada tujuan untuk memanjangkan keturunan. Di Sarawak, amalan mengambil anak angkat dianggap sebagai satu perjanjian kekeluargaan serta dipengaruhi oleh adat dan kepercayaan kaum mereka. Seperti di dalam kes *Jati lwn Ah Paw*, yang melibatkan upacara pengangkatan mengikut adat kaum Dayak yang dikenali sebagai upacara “tembang”.

Pengangkatan kanak-kanak di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [Akta 253] dan Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257], permohonan pengangkatan tidak mengklasifikasikan permohonan adalah terdiri daripada anak-anak yang bertaraf warganegara atau bukan warganegara. Sehubungan itu, JPN tidak menyekat mana-mana permohonan pengangkatan yang dibuat oleh pasangan tempatan untuk mengambil kanak-kanak bertaraf bukan warganegara atau yang tidak sah taraf sebagai anak angkat. Definisi Anak angkat mengikut Seksyen 6(1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253)

mentakrifkan sebagai telah dalam jagaan dan dipelihara serta dididik oleh seseorang atau pasangan sebagai anaknya yang berterusan atau anak mereka secara anak angkat de facto selama 2 tahun sebelum tarikh permohonan. Bagi keluarga Islam, pendaftaran pengangkatan adalah mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 yang boleh dibuat di Pejabat JPN berhampiran. Di bawah akta ini, kanak-kanak tersebut hendaklah dipelihara, dididik dan dibesarkan selama 2 tahun secara berterusan oleh ibu bapa angkat sebelum pengangkatan dibuat. Bagi keluarga bukan Islam, pengangkatan boleh dibuat berdasarkan samada mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (seperti keluarga Islam) atau Akta Pengangkatan 1952 yang boleh dibuat di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Seksyen dengan menggunakan khidmat Peguam. Mengambil anak angkat tanpa daftar adalah tidak melanggar mana-mana undang-undang negara tetapi jika daftarkan ianya dapat memberi perlindungan kepada anak angkat dan ibu bapa angkat kerana ia diiktiraf dari segi undang-undang.

PEMAKAIAN AKTA PENGANGKATAN 1952

Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) ini hanya diguna pakai untuk orang bukan Islam sahaja di mana seksyen 31 menjelaskan akta ini tidak boleh diguna pakai kepada penganut agama Islam. Menerusi akta ini, pemohon yang ingin mendaftarkan pengangkatan melalui perintah mahkamah perlu memohon melalui Firma Guaman yang dilantik oleh ibu bapa angkat atau Jabatan Bantuan Guaman. Permohonan perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat JPNM, Putrajaya sahaja. Perintah Pengangkatan ini dibuat di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen. Di bawah Akta Pengangkatan 1952 ini, kanak-kanak tersebut hendaklah dipelihara, dididik dan dibesarkan selama 3 bulan secara berterusan oleh ibu bapa angkat sebelum permohonan dibuat. Dalam tempoh pemeliharaan dan jagaan ini, kanak-kanak tersebut menjadi “anak pelihara” kepada pasangan yang mengambil kanak-kanak ini dan dalam tempoh ini pegawai kebajikan masyarakat akan melihat kesesuaian kanak-kanak tersebut bersama bakal ibu/bapa angkatnya. Mengikut akta ini, anak angkat adalah diiktiraf sebagai anak kandung yang sah seolah-olah dilahirkan oleh ibu bapa angkat. Di bawah seksyen 9(1), ibu bapa angkat mengambil alih peranan ibu bapa kandung di mana segala hak dan tanggungjawab dipindahkan kepada ibu bapa angkat. Pemberian nama baru untuk anak tersebut adalah dibenarkan dan di atas pilihan ibu bapa angkat. Setelah proses pendaftaran pengangkatan ini selesai, satu akuan Sijil Pengangkatan akan dikeluarkan oleh JPN dan barulah kanak-kanak tersebut “sah” menjadi anak angkat kepada keluarga tersebut. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab mana-mana individu yang menerima kanak-kanak yang diserahkan kepadaannya untuk dipelihara dan dijaga untuk memaklumkan kepada pihak JKM yang berdekatan tentang penerimaan kanak-kanak tersebut dalam tempoh 7 hari. Ini adalah berdasarkan Seksyen 35 (1) Akta Kanak-Kanak 2001. Mana-mana individu yang gagal berbuat demikian, boleh dikenakan denda sehingga RM10,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Syarat-syarat Pengangkatan mengikut akta ini ialah hanya seorang pemohon boleh mengambil anak angkat tetapi pengecualian kepada suami isteri. Umur pemohon mesti sekurang-kurangnya 25 tahun dan sekurang-kurangnya 21 tahun lebih tua daripada kanak-kanak. Pengecualian di beri jika pemohon adalah saudara kepada kanak-kanak tersebut dan telah mencapai umur 21 tahun. Jika pemohon ialah seorang lelaki, anak angkatnya mestilah lelaki melainkan mahkamah berpuashati wujud keadaan khas yang membolehkan perintah dilakukan.

Persetujuan diperlukan daripada ibubapa atau penjaga atau yang bertanggungan memberi sumbangan untuk menyara kanak-kanak itu dan mahkamah boleh mengetepikan persetujuan atas perkara-perkara yang munasabah. Seperti didalam kes *Re TSY (An Infant)* dimana pemohon adalah sepasang suami isteri yang telah menjaga kanak-kanak sejak dia dilahirkan. Ibubapa kandung menentang permohonan pengangkatan yang dipohon oleh suami isteri tersebut. Mahkamah di dalam kes ini telah memutuskan persetujuan patut diketepikan atas beberapa sebab iaitu kanak-kanak tersebut telah tinggal dengan pemohon begitu lama dan jika dipindahkan kepada ibubapa kandung, kesan buruk akan menimpa kanak-kanak itu. Berbeza dengan keputusan mahkamah di dalam kes *T.P.C v A.B.U*, dimana bapa kandung kanak-kanak telah dihukum gantung manakala ibunya tidak dapat dikesan. Kanak-kanak tinggal di Salvation Army Boys' Home dan disara oleh ibu saudaranya. Mengikut keterangan ibu saudaranya, bapa kandung telah menyerahkan hak jagaan kepadanya dengan telah memeterai sebuah dokumen. Mahkamah memutuskan yang persetujuan ibu saudaranya adalah perlu kerana dia yang bertanggungan memberi sumbangan saraan kepada kanak-kanak tersebut. Di dalam kes *Re SS*, pemohon ialah ibu kepada kanak-kanak yang dilahirkan luar nikah tetapi kemudian telah berkahwin dengan bapa kanak-kanak tersebut. Kemudian telah berlaku perceraian dan hak jagaan anak diberi kepada ibunya. Ibu (pemohon) ingin mengambil kanak-kanak tersebut sebagai anak angkat tetapi bapa kandungnya enggan memberi persetujuan. Keterangan menujukkan yang bapanya seorang penagih dadah dan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Mahkamah di dalam kes ini memutuskan yang persetujuan bapa kandung patut diketepikan.

Seksyen 12 Akta ini mengkehendaki pelantikan penjaga ad litem, bila mana sesuatu permohonan bagi suatu perintah pengangkatan dibuat kepada Mahkamah, Mahkamah hendaklah melantik seorang penjaga ad litem. Mereka adalah Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh mahkamah sebagai penjaga *ad litem* dalam proses itu sepertimana diperlukan oleh undang-undang di bawah akta ini. Seorang penjaga *ad litem* bertanggungjawab untuk menyiasat selengkap yang mungkin semua keadaan kanak-kanak dan pemohon dan semua perkara lain yang relevan kepada pengangkatan yang dicadangkan, supaya menjaga kepentingan kanak-kanak tersebut. Penjaga *ad litem* perlu memastikan butir-butir permohonan adalah benar dan lengkap. Keperluan untuk menyiasat samada kemampuan dan taraf pemohon membolehkannya menyara dan menjaga kanak-kanak dengan sempurna, adalah penting dalam menjamin kebajikan kanak-kanak tersebut. Semua maklumat yang diperolehinya adalah sulit dan tidak dibenarkan memberitahu sesiapa.

PEMAKAIAN AKTA PENDAFTARAN PENGANGKATAN 1952

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) ini boleh diguna pakai oleh semua pihak baik orang Islam maupun bukan Islam tetapi terhad kepada pemastautin di Semenanjung Malaysia sahaja. Akta 253 ini adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Pendaftaran Negara dan hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Konsep pengangkatan yang dilakukan di bawah akta ini lebih menjurus kepada konsep jagaan pelihara tetap di mana permohonan pendaftaran hanya boleh dilakukan selepas sekurang-kurangnya dua tahun jagaan peliharaan telah berlangsung. Melalui akta ini, pendaftaran dilakukan ke atas anak angkat yang bersifat de facto sahaja. Oleh itu, ia amat sesuai dan selaras dengan keperluan dan ajaran Islam. anak angkat De Facto ialah di mana seseorang kanak-kanak berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh seseorang atau pasangan suami isteri secara bersama, sebagai anaknya atau anak mereka sendiri bagi tempoh tidak kurang dari dua tahun yang berterusan sebelum pendaftaran

pengangkatan dibuat. Walaupun dalam Akta 253 tidak menyekat mana-mana individu untuk memohon pengangkatan, permohonan adalah tidak digalakkan dari bapa tunggal sekiranya kanak-kanak tersebut adalah perempuan. Untuk kes-kes seperti ini, rujukan akan dibuat kepada Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kesan Akta 253 dan Akta 257

Kesan perintah pengangkatan yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Akta 257 akan menghapuskan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan ibu bapa atau penjaga anak angkat dari segi penjagaan, nafkah dan pendidikan masa hadapan kanak-kanak itu, termasuk semua hak untuk melantik seorang penjaga atau untuk memberi persetujuan atau memberi notis melarang perkahwinan, hendaklah tamat dan semua hak, tanggungjawab dan tanggungan sedemikian hendaklah terletak hak dengan dan dilaksanakan oleh dan dikuatkuasakan terhadap ibu bapa angkat. Hak, tanggungjawab dan tanggungan yang dimaksudkan ini bukan hanya terhad ke atas diri kanak-kanak sahaja, tetapi termasuk juga terhadap harta kanak-kanak. Hubungan di antara pengangkat dengan anak angkat tersebut disifatkan sebagai hubungan ibu bapa kandung dengan anak kandung, iaitu dianggapkan mempunyai pertalian darah, walaupun mungkin pada masa hadapan anak angkat tersebut akan diambil angkat oleh orang lain. Kesan Pengangkatan dalam Akta 257 ini jelas bertentangan dengan hukum syarak. Oleh sebab itu, Akta ini tidak terpakai ke atas orang Islam.

Sementara Akta 253, iaitu Akta yang boleh digunakan oleh orang Islam hanyalah pengiktirafan dari de facto sahaja. Oleh itu, pengangkatan mengikut adat sama ada adat orang Melayu atau kaum lain boleh didaftarkan di bawah Akta 253 ini. Walaupun Akta ini terpakai ke atas orang Islam, ia tidak bermakna Akta ini diasaskan kepada undang-undang Islam. Sebaliknya, ia bersesuaian antara lain dengan adat Melayu. Namun, disebabkan kesan pengangkatan tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka ia dibenarkan terpakai ke atas orang Islam.

AKTA KANAK-KANAK 2001 DAN AKTA KANAK-KANAK (PINDAAN) 2016

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) (selepas ini dirujuk sebagai Akta 611) hanya mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002, walaupun ia telah diluluskan pada tahun 2001. Akta 611 telah memansuhkan tiga statut yang lain, iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, dan telah menggabungkan undang-undang berkenaan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Akta 611 ini mengiktiraf bahawa tiap-tiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal keadaan tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan, seperti ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi atau apa-apa status lain. Di dalam peruntukan akta ini, terdapat tafsiran yang berkaitan dengan anak angkat antaranya ialah: “anggota keluarga” termasuklah ibu atau bapa atau penjaga, atau seseorang anggota keluarga luas, yang merupakan seorang anggota rumah; Tetapi perkataan anggota rumah telah digantikan sebagai Saudara dalam Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Manakala

takrifan “ibu atau bapa peliharaan” ertinya seseorang, yang bukan ibu atau bapa atau saudara seseorang kanak-kanak (a) yang kepadanya pemeliharaan, jagaan dan kawalan seseorang kanak-kanak telah diberikan oleh perintah mahkamah di bawah perenggan 30(1)(c) (i) (Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016); atau (b) yang dibenarkan oleh Pelindung di bawah seksyen 35 atau 37, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menerima seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalannya.

Akta 611 membenarkan Mahkamah bagi Kanak-Kanak untuk membuat satu perintah menyerahkan kanak-kanak itu untuk diangkat oleh ibu atau bapa peliharaan atau mana-mana orang yang berhasrat untuk mengangkat kanak-kanak itu, jika ibu atau bapa atau penjaga tidak menuntut kanak-kanak tersebut. Seksyen 30(1)(e) dan (4) memperuntukkan bahawa dalam membuat perintah tersebut, jika mahkamah puas hati bahawa Pelindung telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengesan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, ia boleh mengenepikan persetujuan (yang secara amnya diperlukan) dari ibu atau bapa atau penjaga bagi pengangkatan. Seksyen 30(6) Akta 611 memperuntukkan bahawa sebelum mahkamah membuat satu perintah menyerahkan kanak-kanak itu untuk pengangkatan, ia patut menimbangkan dan mengambil kira apa-apa laporan yang disediakan oleh Pelindung yang hendaklah mengandungi apa-apa maklumat tentang latar belakang keluarga, kelakuan secara am, suasana di rumah, rekod sekolah dan riwayat perubatan seseorang kanak-kanak dan boleh memasukkan apa-apa laporan bertulis seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat, pengamal perubatan berdaftar atau mana-mana orang lain yang difikirkan layak oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Dengan itu bolehlah dilihat dengan jelas bahawa seorang Pelindung bertanggungjawab untuk menyiasat butir-butir mengenai latarbelakang kanak-kanak itu, menyediakan satu laporan dan menyerahkannya kepada mahkamah. Tugas Pelindung di sini adalah serupa dengan tugas seorang *guardian ad litem* di bawah seksyen 13(1) Akta Pengangkatan. Seorang *guardian ad litem* bertanggungjawab untuk menyiasat selengkap yang mungkin semua keadaan kanak-kanak dan pemohon dan semua perkara lain yang relevan kepada pengangkatan yang dicadangkan, supaya menjaga kepentingan kanak-kanak tersebut.

PENGANGKATAN DI SABAH DAN SARAWAK

Pemohon yang ingin mendaftarkan pengangkatan di negeri Sabah perlu membuat permohonan di mahkamah-mahkamah berkaitan mengikut kategori seperti berikut:-

- a) Mahkamah Anak Negeri bagi anak negeri Sabah sahaja;
- b) Mahkamah Tinggi bagi bukan warganegara dan bukan bumiputera; dan
- c) Mahkamah Tinggi Syariah bagi yang beragama Islam

Pendaftaran anak angkat di Sabah dibuat berdasarkan Ordinan Pengangkatan 1960 (Sabah No.23 Tahun 1960), Native Adoption Regulations 1961 dan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 dan kaedah-kaedah Mahkamah Syariah Negeri Sabah (amalan dan tatacara pengambilan anak angkat) 2006. Permohonan perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah setelah mendapat perintah daripada pihak Mahkamah dan individu yang berkelayakan untuk memohon adalah ibu bapa angkat atau ibu/bapa angkat tunggal atau firma guaman atau wakil firma guaman atas lantikan pemohon.

Manakala pengangkatan anak di Sarawak pula adalah di bawah Adoption Ordinance 1958 (Sarawak CAP.91) dan Adoption Ordinance (Amendment) 2002 (Chapter A100). Ibubapa angkat bertanggungjawab penuh terhadap anak angkat tersebut dan hak, serta taraf anak angkat adalah sama taraf dengan anak kandung ke atas semua harta benda ibubapa angkat. Ibubapa kandung atau penjaga yang sah akan kehilangan tanggungjawap ke atas kanak-kanak yang telah diangkat dan pembatalan pengangkatan boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi. Pemohon yang ingin mendaftarkan pengangkatan di negeri Sarawak pula perlu membuat permohonan di mana-mana Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh Negeri Sarawak berdasarkan Adoption Ordinance 1958 (Sarawak CAP.91) dan Adoption Ordinance (Amendment) 2002 (Chapter A100) yang ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan negeri melalui Pejabat Daerah. Tertakluk kepada Adoption Ordinance, sesiapa sahaja boleh mengangkat anak dengan syarat bahawa ibubapa angkat adalah sihat dan siuman untuk menjaga seseorang anak angkat dan ibubapa angkat mempunyai keupayaan yang munasabah untuk menyara anak angkat mengikut status sosial sehingga anak berkenaan mencapai usia 18 tahun. Selain itu syarat juga memerlukan ibubapa angkat telah berkahwin secara sah, berumur lebih daripada 21 tahun dan sekurang-kurangnya 20 tahun lebih tua daripada anak angkat dan anak yang diangkat mestilah seorang yang belum dewasa, iaitu berusia di bawah 18 tahun. Tertakluk kepada Adoption Ordinance ini juga memperuntukkan yang seorang perempuan bujang boleh mengangkat anak lelaki dan juga anak perempuan tetapi lelaki bujang hanya boleh mengangkat anak lelaki sahaja manakala anak seorang yang beragama Islam tidak boleh diangkat oleh orang-orang yang bukan beragama Islam.

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI-NEGERI

Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia tiada satupun peruntukan khusus membicarakan tentang anak angkat. Tiada sebarang takrifan diberikan kepada anak angkat dan tiada juga sebarang peraturan yang digariskan untuk menjelaskan perkara ini. Begitu juga, tiada satu negeri pun yang mewartakan enakmen atau peraturan khas bagi urusan pengangkatan kanak-kanak. Enakmen-enakmen negeri-negeri hanya menyediakan peruntukan mengenai nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga. Dalam peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), juga ada disentuh tentang anak angkat antaranya berkaitan nafkah di dalam Seksyen 78 dan kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga. Seksyen 78(1) memperuntukkan yang jika seseorang lelaki telah menerima seseorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana bapa dan ibu kanak-kanak itu tidak berbuat demikian, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang perlu bagi memastikan kebijakan kanak-kanak itu. Kewajipan yang dipertanggungkan oleh subseksyen (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu dibawa balik oleh bapa atau ibunya. Apa-pa wang yang dibelanjakan oleh seseorang lelaki pada menanggung nafkah seseorang kanak-kanak sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu. Dari satu sudut, peruntukan ini dilihat lebih cenderung kepada menjaga kepentingan keluarga angkat dimana keluarga angkat diberikan hak untuk menuntut kembali sebarang perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menanggung anak angkat tersebut dari keluarga kandungnya. Walaupun peruntukan ini baik, namun pengangkatan kanak-kanak dalam Islam

bukan sahaja mesti merangkumi konsep hukum dan peraturan-peraturan yang jelas tetapi mempunyai konsep untuk menjaga kebajikan anak angkat dan keluarga angkatnya.

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 4 TAHUN 2015

Pekeling perkhidmatan awam juga menyentuh tentang anak angkat khususnya berhubung cuti tanpa rekod atas kematian keluarga terdekat termasuklah “anak angkat”. “Bapa angkat” ditafsirkan sebagai ‘ahli keluarga terdekat’ bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto dan anak pelihara. ‘Anak angkat’ bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula. ‘Anak angkat de facto’ bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan de facto, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah seksyen 6, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253). ‘Anak pelihara’ bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). ‘bapa angkat’ bermaksud bapa kepada anak angkat seperti diperuntukkan di bawah Akta 257. ‘bapa mentua’ bermaksud bapa kepada isteri atau suami yang sah. (Akta 257). ‘ibu angkat’ bermaksud ibu kepada anak angkat seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 257. 1) ibu angkat yang sah di sisi undang-undang. 2) bapa angkat yang sah di sisi undang-undang. 3) sebagaimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).

PERLINDUNGAN TERHADAP ANAK ANGKAT

Apabila suatu perintah pengangkatan dibuat oleh mahkamah, kebajikan anak angkat adalah menjadi perkara utama dalam pertimbangan mahkamah. Anak angkat mempunyai hak dan kepentingan yang sama seperti anak kandung kepada pengangkat. Perbelanjaan harian, makan, minum, tempat tinggal serta pakaian adalah aspek keperluan asas yang menjadi satu kemestian yang perlu diberi jaminan kepada anak angkat. Selain itu, anak angkat mesti didaftarkan untuk mendapat pendidikan wajib. Akta Pendidikan 1996 melalui Seksyen 29A(2) mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka mengikuti pelajaran rendah selama enam tahun sekiranya gagal ibu bapa boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenal Dasar Pengoperasian Pendidikan Rendah Wajib bertujuan memastikan setiap ibu bapa warganegara yang menetap di Malaysia yang mempunyai anak mencapai umur enam tahun pada hari pertama tahun persekolahan semasa, mestilah mendaftarkannya di sekolah rendah. Di samping itu juga, ibu bapa perlu memastikan anak yang didaftarkan akan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan rendah. Ini memperlihatkan bahawa anak angkat juga tidak terkecuali daripada mendapat hak yang sama seperti anak kandung dalam aspek pendidikan yang bukan sahaja merangkumi pendidikan rendah dan menengah tetapi juga pendidikan tahap awal seperti tadika dan prasekolah. Anak angkat berhak mendapat perlindungan dan jaminan daripada ancaman bahaya seperti penderaan dan pencabulan. Terlalu banyak kes-kes pencabulan terhadap diri anak angkat sering berlaku dan justeru itu mereka wajar dilindungi. Sebagai seorang anak angkat, tiada istilah membezakan dalam memberi kasih sayang. Mereka seharusnya mendapat hak

kasih sayang yang sama seperti anak kandung yang lain. Kasih sayang terhadap anak angkat mestilah tidak dibezaikan dengan anak kandung.

PENUTUP

Dalam aspek perundangan, amalan pengangkatan dan hak-hak mereka sememangnya mempunyai undang-undang yang menyentuh amalan ini. Ini menunjukkan bahawa amalan mengambil anak angkat adalah tradisi masyarakat di Malaysia sama ada masyarakat Islam dan bukan Islam. Dari segi perundangan, amalan pengangkatan di Malaysia secara umumnya adalah terkawal dari segi peruntukan bagi menjami hak pihak-pihak yang berkaitan. Kewujudan undang-undang bertulis yang memperincikan proses pengangkatan ini bukan bertujuan untuk menimbulkan kesulitan tetapi untuk mewujudkan suatu amalan perundangan yang memberi manfaat kepada semua pihak samada kepada anak angkat dan juga kepada ibu bapa angkat. Terdapat dua akta penting yang mengawalselia pengangkatan kanak-kanak di Malaysia iaitu Akta Pengangkatan 1952 yang tidak terpakai kepada orang Islam dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 yang terbuka untuk orang Islam dan juga bukan Islam. Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 banyak digunakan oleh orang Islam dalam memberi pengiktirafaan kepada pengangkatan. Walaupun Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ini banyak digunakan oleh orang Melayu yang beragama Islam menurut perlumbagaan Malaysia, namun akta ini masih belum memadai untuk dijadikan panduan bagi menggariskan peraturan-peraturan yang sepatutnya diikuti oleh orang Islam dalam pengangkatan anak. Apa yang lebih mendatangkan kesulitan ialah Enakmen-enakmen Pentadbiran Keluarga Islam di semua negeri di Malaysia memperuntukkan satu garis panduan yang jelas mengenainya pengangkatan anak. Mengambil anak angkat mengikut adat resam, agama atau undang-undang bertulis perlu diseragamkan bagi menjamin kepentingan ibu bapa kandung, ibu bapa angkat dan anak angkat itu sendiri. Perkara mengenai hak, tanggungjawab dan kepentingan semua pihak perlu ditangani sebaik mungkin.

RUJUKAN

- Shamsuddin bin Suhor. (2008). Anak Angkat dan Undang-undang. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Azizah Mohd & Nadhilah A. Kadir. (2012). Protection of children in Malaysia through foster care legislation and policy. International Journal of Social Sciences and Humanity Studies, 4(1), 63-72.
- Bagley, C., Young, L. & Scully, A. (1993). International and transracial adoptions: A mental health perspective. Aldershot, England: Ashgate
- Raj, S. P., & Raval, V. V. (2013). Residential child care in Malaysia: An exploratory qualitative study of caregiver-child interactions. International Perspectives in Psychology: Research, Practice, Consultation, 2(3), 194-206

Peruntukan Undang-Undang bagi Proses Pengangkatan dan Menjaga Hak Serta Kebajikan Anak Angkat

Jariah Mohd Jan & How, C. (2015). Recognising barriers to academic achievement of foster children in Malaysia: A case study. Asia Pacific Journal of Contemporary Education and Communication Technology, 1(1), 37-43

Zanariah Noor & Anhar Opir (2017). Jurnal Perspektif: Special Issue (101-115). Pengangkatan Anak serta Implikasinya Terhadap Nasab, Hadanah,Nafkah dan Pusaka dalam Undang-Undang Keluarga Islam

Amalan Pengangkatan Kanak-kanak di Malaysia : Satu Analisis Perbandingan. Md Zawawi Abu Bakar & Chan Cheong Chong. Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 21 (September) 2018: 47-63. Universiti Utara Malaysia

Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. 2011. 27-40, Unisza

Statistik Permohonan Pengangkatan di Jabatan Pendaftaran Negara
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30270?language=my>

Hak Penjagaan Anak Angkat- Harian Metro 30 Mac 2017
<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20170330/281784218930639>

Proses Pengambilan Anak Angkat di Malaysia <https://my.theasianparent.com/proses-ambil-anak-angkat-di-malaysia>

Anak angkat dalam Islam <https://jksn.perlis.gov.my/index.php/tahun-2018/139-anak-angkat-dalam-islam>

KES

Jainah bt Semah lwn Mansor bin Iman Mat [1951]17MLJ 62
Jati lwn Ah Paw [1964] 30 MLJ 68
Re TSY (An Infant) [1988 3 MLJ 43
T.PC. lwn A.B.U [1983]2 MLJ 79
Re SS [1975] 1 MLJ 56

STATUT

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)
Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511)
Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952. (Akta 253)
Akta Pengangkatan 1952. (Akta 257)
Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984